

# IVORY



## MAJLIS KONVOKEYEN PERDANA KKTM, MJII & IKM 2024

TAHNIAH 2 PENERIMA ANUGERAH  
GRADUAN CEMERLANG TAHUN 2024

## ALUMNI BERGRADUAT UNIVERSITY STRATHCLYDE UNITED KINGDOM

TAHNIAH BERJAYA TAMAT PENGAJIAN



# KANDUNGAN

- 02 LAWATAN AUDIT ETAC PROGRAM DTE DAN DTV
- 05 STUDENTS PROJECT EXHIBITION (SPEX) KKTM SRI GADING SIRI 1 TAHUN 2024
- 08 PERTANDINGAN PRA-KELAYAKAN WSMB 2024

## Sidang Redaksi

PENGERUSI

Puan Nor Ain binti Abas

SETIAUSAHA

Puan Norazlina binti Mohamed

AHLI

Ts. Aidatul Salwani binti Jamaluddin

Puan Azima binti Sapuan

Encik Hairul Anwar bin Muhammad Noh

Puan Nurul Ashikin binti Abu Bakar

Puan Suhaya binti Sukemi

Puan Siti Nazirah binti Abdul Rahman

Ts. Zahtuliffa binti Tusimin

EDITOR & PEREKA GRAFIK EDISI 3 |  
2024

Puan Norazlina binti Mohamed  
Puan Azima binti Sapuan



04 MAJLIS PERSARAAN PUAN AZLINA BINTI SARIFF



MAJLIS QORBAN PERINGKAT KKTM SRI GADING TAHUN 2024

14

15 MESYUARAT SENAT PUSAT BIL.1 /2024 BAGI SESI JANUARI JUN 2024

17 PROGRAM PROMOSI KARNIVAL INSTITUSI PENDIDIKAN MARA DI KUALA TERENGGANU CITY CENTRE MALL (KTCC)

18 SESI LIBAT URUS BERSAMA PENGARAH BAHAGIAN KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL (BKT) MARA, IR. TS TUAN HAJI NURIMAN BIN YUSOP

# LAWATAN MOCK UP AUDIT ETAC BAGI PROGRAM GREEN BUILDING (DTE) DAN BUILDING INFORMATION MODELLING (DTV)

7 & 8 MEI 2024 | SEKITAR KAMPUS KKT M SRI GADING



Pada 7 dan 8 Mei 2024 telah berlangsung lawatan Mock Up Audit ETAC bagi program Green Building (DTE) dan Building Information Modelling (DTV) di sekitar kampus KKT M Sri Gading.



Pemerhatian oleh Panel ETAC semasa penilaian adalah merangkumi kemudahan pengajaran dan pembelajaran, kemudahan asrama pelajar, dan kemudahan lain yang melibatkan aktiviti riadah pelajar.

Mesyuarat Khas hasil dapatan pasca audit telah diadakan bagi membincangkan hasil dapatan serta pelan tindakan bagi persediaan Audit ETAC untuk 5 program yang lain.

# **MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN KERJA PAMIR DEVELOPMENT SDN. BHD. KEPADА PELAJAR KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA SRI GADING**



**7 MEI 2024 | SELASA**

Pihak pengurusan Pamir Development Sdn Bhd telah berkunjung ke Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading untuk sesi penyerahan surat tawaran kerja kepada dua orang pelajar Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Pemodelan Maklumat Bangunan).

Pihak pengurusan Pamir Development Sdn Bhd diwakili oleh Penolong Pengurus Bahagian Sumber Manusia Ms Teo Soo Wei telah disambut oleh Pengarah Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading, Hj Azman bin Ali dan Ir. AP. Dr. Chong Chien Hwa, Head of Delegation ETAC.

Dua orang pelajar Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Pemodelan Maklumat Bangunan) yang sedang menjalani latihan industri telah menerima tawaran kerja dari Pamir Development Sdn. Bhd. sebagai BIM Modeller dengan gaji permulaan yang memberangsangkan.

Semoga jalinan kerjasama ini dapat meneruskan peluang jaminan penempatan pekerjaan kepada pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading. Tahniah diucapkan kepada pelajar berkenaan serta ucapan terima kasih kepada pihak Pamir Development Sdn Bhd.

# MAJLIS PERSARAAN PUAN

## AZLINA BINTI SARIFF

(PPTK KKT  
SRI GADING)



9 MEI 2024 | KHAMIS

Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading telah kehilangan sebutir permata yang disanjung tinggi iaitu Puan Azlina binti Sariff selaku Penolong Pegawai Tadbir (Kanan) kerana dengan secara rasminya beliau bersara pilihan pada 12 Mei 2024. Beliau merupakan seorang ketua yang tegas dikalangan semua rakan-rakan sekerja. Walaupun begitu, beliau seorang yang amat mengambil berat tentang hal-hal kerja di pejabat. Beliau mula berkhidmat di KKT Sri Gading pada 28 Februari 2016 dan menamatkan perkhidmatannya pada 12 Mei 2024. Sepanjang tempoh itu jugalah beliau telah banyak menabur jasa dan mengerah tenaga bagi menjadikan KKT Sri Gading sentiasa memberikan perkhidmatan yang baik pada semua lapisan masyarakat.

Selamat bersara buat Puan Azlina!!!

Semoga sukses didalam apa juar bidang yang diceburi dan sentiasa dalam rahmat Allah swt.



# **STUDENTS PROJECT EXHIBITION (SPEX) KKT M SRI GADING SIRI 1 TAHUN 2024**

**12 MEI 2024 | AHAD ◆ 9.00 PG - 1.00 PTG**


Umum mengetahui, pada setiap semester akan diadakan Pameran Projek Tahun Akhir pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading bagi mempamerkan dan menilai hasil kerja pelajar sepanjang tempoh setahun bermula dari semester 4 dan 5. Projek Tahun Akhir ini diwakili oleh semua program iaitu program DTC, DTH, DTG, DTM, DTF, DTE dan DTV. Pada sesi Januari - Jun 2024 ini telah memperlihatkan hasil kerja seramai 57 orang pelajar dari kesemua program.

Beberapa panel jemputan dari industri bagi setiap program telah dijemput untuk menilai projek-projek pelajar dan memberi markah mengikut skema pemarkahan yang disediakan. Panel-panel penilai yang dijemput kebiasaannya terdiri dari Industry Advisory Panel (IAP) yang dilantik oleh program masing-masing.

Di akhir program tersebut, pihak Jawatankuasa Sekretariat Penyeliaan Projek Akhir Pelajar telah mengumumkan hasil projek terbaik bagi setiap program.

Syabas buat pelajar-pelajar yang terlibat...!





# BENGKEL RESUME & WRITING SKILL



13 MEI 2024  
8.00 AM – 1.00 PM  
DEWAN TEATER A

Penglibatan semua pelajar semester 5

KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA SRI GADING

ANJURAN : JAWATANKUASA PERHUBUNGAN INDUSTRI



Kriteria penting yang perlu ada pada setiap graduan ialah kualiti komunikasi, etika dan ketrampilan diri yang membolehkan mereka memikat hati serta meyakinkan bakal majikan bahawa mereka berupaya bersaing dan sama-sama memajukan organisasi. Kesemua kriteria ini adalah pakej diri yang mengandungi kualiti dan ciri-ciri seorang graduan yang menggambarkan kompetensi dan karakternya semasa bekerja nanti. Justeru dengan itu, Jawatankuasa Perhubungan Industri telah menjalankan bengkel Resume and Writing Skill untuk semua pelajar tahun akhir iaitu semester 5 pada 13 Mei 2024. Bengkel ini disampaikan oleh En Asif Azwan Bin Amdan dari FCL Components (Malaysia) Sdn Bhd. Beliau bekerja di syarikat ini sebagai Senior Executive dan mempunyai pelbagai pengalaman dalam menemuduga bakal-bakal pekerja di syarikat beliau.



Tujuan utama pelaksanaan bengkel ini kepada pelajar tahun akhir bagi mendedahkan mereka tentang pentingnya membina personaliti eksekutif dan mempersiapkan diri dengan segala kemahiran yang perlu untuk memasuki latihan industri dan pasaran kerja. Bengkel ini juga akan melengkapkan diri pelajar dengan kemahiran, teknik dan tips mencari kerja dan menghadapi temuduga supaya bakal graduan lebih berkeyakinan dan kompetitif dalam menghadapi persaingan dalam mendapatkan kerja selepas tamat pengajian di KKTMRG Sri Gading. Pelajar diberi pendedahan berkaitan cara penulisan resume yang efektif dan sesuai dengan kehendak industri semasa serta tunjuk ajar dan panduan tentang struktur asas temuduga, persediaan menghadiri temuduga dan turut diberikan beberapa tips kunci kejayaan dalam penulisan resume. Semoga bengkel ini dapat memberi pendedahan berkaitan tatacara penulisan resume yang terbaik dan padat kepada semua pelajar.

# Anugerah Pekerja Terbaik

# Bulan April 2024



Anugerah pengiktirafan pekerja terbaik adalah cara terbaik untuk menyampaikan penghargaan dan terima kasih pihak pengurusan atas kerja cemerlang yang disampaikan oleh pekerjanya. Pihak Jawatankuasa Kecemerlangan Organisasi dengan bangganya mengumumkan penerima-penerima Anugerah Pekerja Terbaik KKTMR Sri Gading bagi bulan April 2024.

## Pentadbiran

- Pn Azlina binti Sariff (PPTK)

## Akademik

- Pn Zaidatul Aishah binti Kamal
- Pn Suhaya binti Sukemi
- En Mohd Zulkhaairi bin Tukimin

Tahniah kepada semua penerima anugerah atas pencapaian dan komitmen yang cemerlang.

*Terima kasih atas dedikasi anda yang tidak berbelah bagi! Prestasi anda adalah inspirasi kepada semua warga KKTMR Sri Gading!*

# PERTANDINGAN PRA-KELAYAKAN WSMB 2024

**KKTM Sri Gading**: Seluruh warga KKTM Sri Gading mengucapkan selamat maju jaya kepada pelajar-pelajar yang akan menyertai Pertandingan Kelayakan Pra-Kelayakan WSMB 2024 bermula pada 27 Mei hingga 30 Mei 2024.

Sempena dengan pertandingan ini, KKTM Sri Gading berjaya menempatkan beberapa orang peserta dalam bidang Digital Construction, Bricklaying dan Mechanical CAD. Seramai lapan orang pelajar bakal menyahut cabaran ini di mana seorang bakal berentap dalam bidang Mechanical CAD, lima orang pelajar dalam bidang Digital Construction manakala dua orang pelajar dalam bidang Bricklaying.

## TAHNIAH & SEMOGA BERJAYA

KE PERTANDINGAN WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) 2024  
PERINGKAT PRA-KELAYAKAN

### BIDANG MECHANICAL CAD



AHMAD HAMDI BIN AZRAN

## TAHNIAH & SEMOGA BERJAYA

KE PERTANDINGAN WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) 2024  
PERINGKAT PRA-KELAYAKAN

### BIDANG DIGITAL CONSTRUCTION



MUHAMAD NASHRUL BIN ZULKIFLI

## TAHNIAH & SEMOGA BERJAYA

KE PERTANDINGAN WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) 2024  
PERINGKAT PRA-KELAYAKAN

### BIDANG DIGITAL CONSTRUCTION



NUR ALWANI MUNIRAH BINTI MOHD SOBRI

## TAHNIAH & SEMOGA BERJAYA

KE PERTANDINGAN WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) 2024  
PERINGKAT PRA-KELAYAKAN

### BIDANG DIGITAL CONSTRUCTION



FATIN NUR ARISHA BINTI YAMIDI

## TAHNIAH & SEMOGA BERJAYA

KE PERTANDINGAN WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) 2024  
PERINGKAT PRA-KELAYAKAN

### BIDANG DIGITAL CONSTRUCTION



MUHAMMAD IZZKANDAR FAUZI BIN ABD RAZAK

## TAHNIAH & SEMOGA BERJAYA

KE PERTANDINGAN WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) 2024  
PERINGKAT PRA-KELAYAKAN

### BIDANG DIGITAL CONSTRUCTION



MUHAMMAD AIMAN ZIKRY BIN SUHAIMI

## TAHNIAH & SEMOGA BERJAYA

KE PERTANDINGAN WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) 2024  
PERINGKAT PRA-KELAYAKAN

### BIDANG BRICKLAYING



MUHAMMAD ADAM IESYRAFF BIN YUSRIZAM

## TAHNIAH & SEMOGA BERJAYA

KE PERTANDINGAN WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) 2024  
PERINGKAT PRA-KELAYAKAN

### BIDANG BRICKLAYING



IMRAN BIN SYARIFUDDIN

Sebagai persiapan untuk menghadapi persaingan dalam pertandingan ini, beberapa siri latihan telah disusun kepada semua peserta.

Semoga kesemua pelajar-pelajar ini dapat mengharumkan nama KKTM Sri Gading dalam peringkat seterusnya

**STANDING IN THE EYES OF THE WORLD!!!  
GOODLUCK!! GAMBATTE KU DASAI!**

# KUNJUNGAN MESRA KE JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI NEGERI JOHOR



29 MEI 2024 I RABU

Jawatankuasa Perhubungan Korporat dan Promosi telah mengadakan kunjungan mesra ke Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Johor di Menara Ansar, Johor Bahru. Delegasi KKTm Sri Gading diwakili oleh En. Zainuddin bin Zakaria (Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan dan Hal Ehwal Pelajar) serta En. Hairul Anwar bin Muhamad Noh, Pegawai Perhubungan Industri dan telah disambut oleh Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Johor, Tuan Faisal Bin Long, Amirul Bin Abdul Razak, Ketua Unit Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan (PMK) dan Muhammad Saffri bin A. Rashid Pegawai Unit Pendidikan (PMK).

Tujuan kunjungan ini adalah bagi memberi maklumat mengenai peluang pendidikan dan menyambung pengajian di KKTm Sri Gading kepada anak-anak orang asli. Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Johor dan KKTm Sri Gading telah bersetuju untuk menawarkan seramai 80 orang anak-anak orang asli lepasan SPM yang layak akan diberikan surat tawaran menyambung pengajian di KKTm Sri Gading. Pihak KKTm Sri Gading mengucapkan ribuan terima kasih atas sambutan yang diberikan serta semoga jalinan kerjasama ini memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.



# KUNJUNGAN MESRA KE FELDA WILAYAH JOHOR BAHRU



**29 MEI 2024 | RABU**

Jawatankuasa Perhubungan Korporat dan Promosi telah mengadakan kunjungan mesra ke Felda Wilayah Johor Bahru, Johor.

Delegasi KKT M Sri Gading diwakili oleh En. Zainuddin bin Zakaria (Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan dan Hal Ehwal Pelajar) serta En. Hairul Anwar bin Muhamad Noh, Pegawai Perhubungan Industri telah disambut oleh Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, Pn. Rafidah binti Najib dan Pn. Rabiah binti Md Halid.

Tujuan kunjungan hormat ini diadakan adalah bagi memberi maklumat mengenai peluang pendidikan dalam bidang TVET dan menyambung pengajian di KKT M Sri Gading kepada anak-anak generasi Felda.

Felda Wilayah Johor Bahru mencadangkan agar informasi pendidikan TVET ini diwar-warkan kepada 42 rancangan felda dan 12 buah sekolah menengah kebangsaan di Felda Johor Bahru.

Pihak KKT M Sri Gading mengucapkan terima kasih kepada Felda Wilayah Johor Bahru atas komitmen dan kerjasama yang diberikan. Semoga jalinan kerjasama ini memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.



*Sekalung*

# Tahniah

kepada  
penerima **ANUGERAH**  
**PEKERJA TERBAIK**  
**BULANAN**



**AMINNUR HAYATI BINTI ZAIMAN**

Pegawai Latihan Vokasional  
Jabatan Forensik Bangunan dan  
Penyelenggaraan (DTF)



*Mei*

**HAIRUL ANWAR BIN MUHAMAD NOH**

Pegawai Perhubungan Industri



*Jun*



**MOHD FAUZAN BIN SAIDIN**

Pegawai Latihan Vokasional  
Jabatan Geo-struktur (DTG)



**MUHAMMAD QARIB BIN NORDIN**

Pembantu Tadbir  
(Unit Penilaian dan Persijilan)



Muhammad Zakhwan Bin  
Abdullah

JABATAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBINAAN  
(GEOSTUKTUR)



# CONGRATULATIONS!

ANUGERAH GRADUAN CEMERLANG  
TAHUN 2024



*Muhammad Izwanshah Bin  
Mohd Touzi*

JABATAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ~~KEJURUTERAAN~~  
PEMBINAAN (JALANRAYA & PENGANGKUTAN)



# CONGRATULATIONS!

**ANUGERAH GRADUAN CEMERLANG  
TAHUN 2024**

# MAJLIS QORBAN PERINGKAT KKT M SRI GADING TAHUN 2024

20 Jun 2024 | Surau An-Nur KKT M Sri Gading



Sekretariat Kerohanian dengan kerjasama Jabatan DTH KKT M Sri Gading telah menganjurkan satu Majlis Qurban peringkat KKT M Sri Gading sempena dengan Hari Raya Aidiladha 1445H. Sebanyak tiga (3) ekor lembu dan dua (2) ekor kambing telah disembelih. Lembu-lembu qurban telah disembelih di pusat penyembelihan manakala kambing-kambing qurban disembelih di Surau An-Nur.

Peserta-peserta qurban terdiri daripada staf dan ahli keluarga yang berhajat untuk melaksanakan ibadah qurban ini.

Selain daripada penyembelihan, proses melapah, menimbang serta membungkus daging-daging qurban juga dilaksanakan dalam aktiviti ini.

Daging-daging tersebut telah diagihkan kepada golongan asnaf yang terpilih beserta golongan yang layak untuk menerima daging qurban ini. Aktiviti rewang untuk penyediaan juadah tengahari turut dilakukan dengan penglibatan staf wanita yang hadir pada majlis ini.

Semoga dengan terlaksananya majlis ini dapat mengeratkan lagi ukhwah sesama staf dan ahli keluarga serta mendapat Rahmat daripada Allah S.W.T



Berkorban adalah antara ibadah yang paling afdhal untuk dilaksanakan pada Hari Raya Aidiladha adalah dengan menumpahkan darah korban. Ianya telah disyariatkan kepada umat Islam di mana pada hari akhirat ianya akan datang seperti mana ia di dunia tanpa terdapat kekurangan padanya agar setiap daripada anggota itu terdapat padanya ganjaran (pahala) dan ia juga akan menjadi tunggangan orang yang berkurban itu ketika melintasi titian sirat.

# Congratulation

On Your Graduation



Nurin Akmal Qamarina  
Kamarulariffin

Alumni Program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Forensik Bangunan & Penyelenggaraan) 2018-2021 KKTM Sri Gading, Nurin Akmal Qamarina Kamarulariffin telah mendapat penganugerahan BEng (Hons) Civil Engineering, University Strathclyde United Kingdom.

Tahniah diucapkan atas pencapaian beliau yang membanggakan ini. Ini membuktikan KKTM Sri Gading dapat melahirkan insan yang cemerlang.

Tahniah juga kepada KKTM Sri Gading, khususnya MARA di atas peluang yang diberikan untuk melahirkan pelajar yang hebat.

---

# **MESYUARAT SENAT PUSAT BIL. 1 /2024**

## **BAGI SESI JANUARI - JUN 2024**

---



**KHAMIS I 20 JUN 2024**



Mesyuarat Senat Pusat Bil.1 /2024 bagi sesi Januari - Jun 2024 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama KKTm Sri Gading bermula jam 9.00 pagi sehingga selesai. Mesyuarat ini diadakan untuk meneliti dan mengesahkan markah pencapaian pelajar bagi sesi Januari - Jun 2024. Serta mengatur strategi pada masa akan datang bagi mengurangkan "defect" permasalahan pelajar khususnya dalam bidang akademik.

